

23 APR 2001

TNB-BEKAL

TNB AKAN BEKAL TENAGA UNTUK SEMUA, TANPA MENGIRA DAYA MAJU

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Syarikat utiliti tenaga negara, Tenaga Nasional, akan membekalkan elektrik kepada semua pihak yang terlibat dalam penempatan semula industri-industri walaupun sekiranya perkhidmatan itu tidak berdaya maju secara ekonomi.

Datuk Jamaludin Jarjis, pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB) berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kemampuan syarikat itu untuk memenuhi program penempatan semula.

Kerajaan telah mengumumkan penempatan semula industri-industri bagi menyuraikan lokasi industri-industri dari kawasan bandar yang sesak ke kawasan luar bandar.

Bagi pembekalan ke kawasan tertentu yang tidak berdaya maju daripada segi ekonomi, TNB akan mendapatkan bantuan kerajaan, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditemui di Parlimen selepas pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jamaludin juga berkata dalam membekalkan elektrik kepada negara, isu ketersediaan perlu diikuti dengan kualiti.

Beliau berkata TNB perlu selalu bersedia untuk menyediakan kemudahan infrastruktur, penjanaan, penghantaran dan pengedaran yang terbaik.

Jamaludin berkata walaupun kelembapan dalam ekonomi AS memberi kesan kepada setiap orang, kadar pertumbuhan akan tetap kekal dalam zon yang positif.

Ini, tambah beliau tidak bermakna kerajaan akan mengurangkan usaha-usahanya dalam membangunkan kekukuhan ekonomi negara.

Selain daripada industri-industri, beliau berkata TNB juga telah mengikuti bersama aliran semasa pembangunan ekonomi untuk diorientasi bersama saluran 'keadilan sosial'.

Ini bermakna organisasi akan mensasarkan untuk menyediakan elektrik kepada semua tidak kira sama ada di kawasan bandar atau luar bandar.

Beliau berkata ia merupakan satu pendekatan langsung untuk pembangunan, secara sosial dan secara ekonomi, daripada berharap bahawa penumpuan di kawasan bandar, hasil pertumbuhan akan melimpah ke kawasan luar bandar. --

BERNAMA

MFZ SEL NHD OS